

## **NIAT KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR WANITA DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)**

**Noorizda Emellia Mohd Aziz<sup>1</sup>, Wan Nur Afifi Wan Saidin<sup>2</sup>, Zurairah Jais<sup>3</sup>,**  
**Maryam Mohd Esa<sup>4</sup> & Zamry Gafar<sup>5</sup>**

<sup>1,3,4</sup>Pensyarah di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka

<sup>2</sup>Graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran (Keusahawanan), Kolej Universiti Islam Melaka.

### **ABSTRAK**

Artikel ini bertujuan membincangkan kajian berkaitan faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar wanita di Kolej Universiti Islam Melaka berdasarkan Model Niat Keusahawanan (EIM) dan Model Teori Tingkah Laku Terancang (TPB). Kolej Universiti Islam Melaka atau lebih dikenali sebagai KUIM merupakan Institusi Pengajian Tinggi yang di miliki penuh oleh Kerajaan Negeri Melaka dan telah membuat anjakan paradigm dalam memperkenalkan wadah baru pendidikan. Responden merupakan pelajar wanita yang dipilih secara rawak mengikut fakulti iaitu seramai 80 orang responden. Data-data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25.0 yang merangkumi data deskriptif, analisis korelasi, analisis regresi dan skor min yang digunakan bagi mengetahui faktor mana yang lebih mendorong dengan pembolehubah bersandar. Dapatan kajian menunjukkan faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan responden iaitu sikap peribadi, faktor norma subjektif, iaitu sokongan sosial daripada keluarga dan rakan-rakan dan faktor kawalan tingkah laku pelajar sendiri. Hasil dari kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana faktor sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku mampu mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar wanita.

**Kata Kunci:** *Niat Keusahawanan, Sikap peribadi, Norma Subjektif, Kawalan Tingkah Laku.*

**ENTREPRENEURSHIP INTENTIONS AMONG FEMALE STUDENTS AT UNIVERSITY  
COLLEGE OF ISLAM MELAKA (KUIM)**

**ABSTRACT**

This article aims to discuss the study about the factors that influence entrepreneurial intentions among female students in University College of Islam Melaka based on Entrepreneurship Intention Model (EIM) and Model Theory of planned behavior (TPB). The University College of Islam Melaka or better known as KUIM is a state-owned Institution of Higher Learning and has made a paradigm shift in introducing a new platform of education. Respondents were female students who were randomly selected by faculty with a total of 80 respondents. Data analysis was developed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0 which included descriptive data, correlation analysis, regret analysis and average scores used to determine which factors were more motivated by the dependent variable. The findings indicated factors that influence entrepreneurial intention among respondents that personal attitude, subjective norm factor, that social support from family and friends and factor that control the behavior of student. The results of this research is to know the factor of personal attitude, subjective norms and perceived behavioral controls that can influence entrepreneurial intention among female students.

**Keyword:** *Entrepreneurial Intention, Personal Attitudes, Subjective Norm, Perceived Behavioral Control.*

**LATARBELAKANG KAJIAN**

Setiap perkara yang dilakukan oleh seseorang untuk mencapai apa yang diinginkan dalam hidup bermula dari niat. Niat merupakan asas utama dalam apa jua perkara yang ingin dilakukan agar segala apa yang dirancang dapat dilakukan dengan baik dan tidak merugikan masa serta tenaga (Normala Hj A.Razak, 2009). Begitu juga dalam menentukan arah tuju bagi perniagaan ianya memerlukan niat keusahawanan yang tinggi kerana niat itulah yang akan menjadi salah satu kekuatan utama bagi sesebuah perniagaan yang ingin dibangunkan. Dalam melakukan sesuatu perkara niat menjadi salah satu elemen yang penting dalam mendorong seseorang itu melakukan perniagaan dengan lebih baik dan teratur. Menurut Farhana Mohd Rosli, (2013) bidang keusahawann dikatakan penting bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menjalani perniagaan. Pentingnya keusahawanan kepada negara adalah sebagai pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi negara. Hal ini dapat dilihat melalui perniagaan yang dijalankan oleh usahawan yang mampu membantu pembangunan ekonomi negara kerana bidang keusahawanan itu sendiri merupakan salah satu bidang yang meluas dan tidak terhad. Peranan kerajaan dalam membantu golongan wanita dapat dilihat kesungguhannya melalui penekanan terhadap faktor daya saing dan modal insan. Dengan adanya penekanan aspek daya saing dan modal insan dalam aktiviti keusahawanan ini ia dapat melahirkan insan yang berkemahiran dan mempunyai pengetahuan serta mampu meningkatkan nilai tambahan seseorang usahawan dalam menjadikan mereka usahawan yang berjaya seterusnya mewujudkan lebih ramai lagi usahawan di kalangan wanita. Menurut Berita Harian Online, (2017) lebih daripada 80 peratus daripada usahawan berdaftar di bawah Persatuan Pedagang dan pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) itu adalah wanita dan statistik ini memperlihatkan perkembangan positif minat wanita dalam dunia perniagaan yang mampu menjana pendapatan. Justeru itu, tujuan kajian ini lebih memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar wanita di Kolej Universiti Islam Melaka. Peningkatan wanita dalam aktiviti pembangunan negara juga semakin menyerlah dan berkembang dengan adanya bantuan dari pembangunan negara yang banyak membuka peluang dan ruang untuk wanita meningkatkan lagi pencapaian dalam pelbagai bidang dan menambahkan pendapatan sehari-hari mereka. Namun begitu, golongan wanita juga dilihat mempunyai bilangan yang ramai di institut pengajian tinggi tetapi kurang di alam pekerjaan yang mana menurut Astro Awani (2018) golongan wanita mempunyai kadar penyertaan yang rendah dan kadar pengganguran tinggi berbanding golongan lelaki. Hal ini

mendorong berlakunya peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan wanita dan masalah ini menyebabkan lebih banyak wanita memilih untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

Pernyataan masalah bagi kajian ini telah mendapati wujudnya lambakan graduan yang menganggur selepas menamatkan pengajian adalah semakin meningkat. Peredaran masa yang berlaku dengan begitu pantas menyebabkan kita tidak sedar bahawa negara Malaysia juga turut terlibat dengan masalah global ini. Ini amat membimbangkan dan didapati jumlah graduan meningkat dengan mendadak melebihi daripada permintaan juga merupakan salah satu punca mengapa siswazah kini lebih banyak menganggur. Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, melaporkan pada suku pertama 2019, negara merekodkan seramai 515,600 penganggur dengan kadar pengangguran sebanyak 3.3 peratus dan telah berlaku peningkatan sebanyak 1,400 orang berbanding pada tahun 2018. Pada masa yang sama, seramai 238,286 penganggur termasuk 174,327 siswazah telah mendaftar sebagai pencari kerja aktif dengan ‘JobMalaysia’ dibawah Jabatan Tenaga Kerja (JKT) Semenanjung.

Selain itu, pada Disember 2018 kadar pengangguran di Malaysia adalah sebanyak 514,200 dengan kadar pengangguran sebanyak 3.3 peratus berbanding pada Disember 2017, seramai 516,900 jumlah penganggur dengan kadar pengangguran sebanyak 3.4 peratus. Malahan seramai 54,103 siswazah Universiti menganggur dalam tempoh enam bulan selepas mereka menamatkan pengajian. Menurut Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Datuk Stephen Wong Tien Fatt, menyatakan kemasukan pelajar wanita di Institut Pengajian Tinggi adalah lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki dengan pengiraan nisbah kemasukan pelajar lelaki dan perempuan di Institut Pengajian Tinggi pada adalah 40–60, 30–70 dan terdapat juga Institut Pengajian Tinggi yang mencatatkan nisbah 25–75. Lebihan nisbah pelajar wanita ini menyebabkan lepasan graduan wanita lebih sukar untuk memasuki pasaran pekerjaan kerana jumlah lelaki lebih ramai dalam pasaran buruh dan memegang jawatan strategik. Hal ini akan menyebabkan lepasan graduan wanita lebih banyak menganggur berbanding lelaki. Penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan ini memberikan impak yang positif kepada perkembangan ekonomi negara. Hal ini kerana dengan adanya perkembangan pesat dalam ekonomi negara telah membuka lebih banyak ruang untuk wanita melibatkan diri dalam dunia perniagaan. Menurut Gusniar et al., (2014) wanita mempunyai sikap yang gigih, cekal, tekun, hemat dan sikap ini begitu ketara dalam diri wanita yang bermiaga. Ini membuktikan bahwa golongan wanita mampu mencipta kejayaan seiring golongan lelaki dalam bidang perniagaan.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara sikap peribadi dengan niat keusahawanan, mengenalpasti hubungan antara norma subjektif dengan niat keusahawanan dan mengenalpasti hubungan antara kawalan tingkah laku dengan niat keusahawanan.

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Hubungan antara sikap peribadi dan niat keusahawanan**

Menurut Sun et al. (2017) melalui pandangan bagaimana niat keusahawanan pelajar dapat diperbaiki dan berpendapat bahawa pendidikan keusahawanan tidak hanya mempengaruhi niat keusahawanan pelajar tetapi sikap mereka terhadapnya. Menurut Roy et al. (2017) mendapati sikap itu mempunyai hubungan yang paling penting dengan niat keusahawanan. Disamping itu, Yurtkoru et al. (2014) mendapati sikap peribadi meramalkan niat keusahawanan. Beberapa kajian mendapati bahawa pendidikan keusahawanan formal mempengaruhi sikap pelajar, arah kerjaya masa depan mereka, dan mempunyai kesan penting terhadap sikap keusahawanan mereka dari masa ke semasa (Dinis, Pa, co, Ferreira, Raposo, & Rodrigues, 2013). Selain itu, menurut Sesen, (2013) kajian lampau telah menunjukkan bahawa sikap dan sifat peribadi mempunyai pengaruh paling kuat terhadap niat untuk memulakan perniagaan di kalangan usahawan baru. Menurut Roy et al., (2017) mendapati sikap itu mempunyai hubungan yang paling penting dengan niat keusahawanan. Penemuan ini adalah seiring dengan (Marques et al., 2012) yang mendapati sikap sebagai penyumbang utama keinginan keusahawanan di kalangan pelajar. Disamping itu, menurut Yurtkoru et al, (2014) mendapati sikap peribadi meramalkan niat keusahawanan.

### **Hubungan antara norma subjektif dengan niat keusahawanan**


Individu yang mempunyai pemahaman tentang risiko yang akan dihadapi, manfaat yang sedia ada dan cabaran yang akan datang pasti berminat untuk menjadi usahawan secara kognitif. Mereka akan merasa bahagia dan yakin dengan pilihan mereka secara (efektif) dan akan bertindak secara (konatif) dengan apa yang dipercayai. Ini buktikan bahawa keberkesanan diri mempunyai hubungan yang positif dan penting dengan niat keusahawanan seseorang individu. Hasil ini selaras dengan penemuan (Tsai et al., 2016) yang menyatakan bahawa hubungan positif dan ketara diantara kedua-dua pembolehubah. Norma subjektif merupakan persepsi yang dilihat berdasarkan pandangan orang sekeliling seperti keluarga dan teman. Menurut Hockerts (2017) orang cenderung berperilaku dengan cara tertentu apabila mereka merasakan bahawa tingkahlaku yang bersesuaian dengan masyarakat norma. Menurut Zhang et al. (2015) mendapati hubungan positif antara norma sosial dan niat keusahawanan. Norma-norma subjektif juga mempunyai kesan positif yang kuat terhadap niat keusahawanan berdasarkan sampel yang diselidik oleh usahawan baru yang didapati oleh Kautonen et al., (2015). Menurut Bagheri & Pihie (2014) menulis bagaimana wanita mendapat sokongan yang kurang daripada rangkaian sokongan mereka untuk menubuhkan perniagaan mereka sendiri. Norma subjektif adalah pandangan yang dianggap penting oleh individu yang menasihati individu untuk melakukan atau tidak melakukan tingkahlaku dan motivasi tertentu yang disertai dengan keinginan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang dianggap penting (Weedayanti dan Giantari., 2016).

### **Hubungan antara kawalan tingkah laku dengan niat keusahawanan**

Niat keusahawanan memainkan peranan yang amat penting bagi seseorang individu untuk terlibat dalam bidang perniagaan, menurut Maresch et al. (2016), lebih kuat keinginan seseorang untuk melaksanakan tingkahlaku yang diberikan, kemungkinan besar kelakuan ini akan dilaksanakan. Kawalan tingkahlaku juga ditentukan dalam bentuk keberkesanan diri di mana orang percaya bahawa tingkahlaku mudah atau sukar untuk dilakukan (Cruz et. al. 2015). Menurut Tiwari et al. (2017) menyebut kawalan tingkahlaku yang dianggap sebagai kepercayaan untuk menjalankan tugas tertentu dan termasuk pelbagai aktiviti yang diperlukan untuk melaksanakan tugas. Kawalan tingkahlaku yang dinyatakan dalam bentuk keberkesanan diri adalah keadaan di mana orang percaya bahawa tingkahlaku adalah mudah atau sukar untuk dilakukan. Oleh itu, banyak kajian dilakukan (Mwiya et al., 2017; Yurtkoru et al., 2014) mengesahkan bahawa kawalan tingkahlaku yang diramalkan meramalkan niat keusahawanan. Kawalan tingkahlaku merupakan salah satu komponen utama bagi keusahawanan kerana ia merupakan keberkesanan diri bagi mempengaruhi tingkahlaku pelajar. Kawalan tingkahlaku dianggap sebagai proses sedar untuk mengawal keadaan (Fretschner., 2014). Dalam keusahawanan itu sendiri telah menjadikan kawalan tingkahlaku sebagai komponen utama berikutnya keberkesanan diri yang mampu mempengaruhi tingkahlaku seseorang individu.

## **KERANGKA KAJIAN**

Kerangka kajian ini di ambil daripada Zairon Mustapha, Mohd Yusof Tawang & Abdul Halim Ahmad. (2016). *Faktor Yang Mempengaruhi Niat Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Malaysia. Journal of Social Sciences and Humities*. Vol. 1. ISSN 0128-2875.



Rajah 1.0 : Kerangka Kajian

## METODOLOGI

### Populasi dan Persampelan Kajian

Kajian ini menggunakan formula Tabachnick dan Fidell (2013) iaitu  $N > 50 + 8m$ . Sekiranya jumlah pembolehubah bebas kajian ini adalah 3, maka jumlah minimum sampel yang akan digunakan adalah 74 orang. Ini bermakna, kajian ini akan mengambil sekurang-kurangnya 74 responden untuk mendapatkan hasil yang signifikan. Kajian ini akan menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian (*Probability Sampling*) yang mana kaedah ini memberi kesempatan atau peluang yang sama kepada setiap anggota populasi untuk dipilih menjadi sampel dan ia juga digunakan bagi tujuan kajian kuantitatif. Kajian ini mengkaji faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar wanita di Kolej Universiti Islam Melaka di mana populasi keseluruhan pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka yang diperolehi dari Bahagian Hal Ehwal Akademik adalah seramai 3,432 orang.

Jenis sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah Sampel Rawak Berstrata (*Stratified Random Sampling*). Kaedah persampelan ini membolehkan setiap ahli dalam populasi yang terdiri daripada kumpulan yang berbeza memiliki peluang yang sama untuk dipilih.

Terdapat 7 fakulti yang terpilih iaitu Fakulti Inovasi Perniagaan Dan Teknologi, Fakulti Keilmuan Islam, Fakulti Sains Sosial, Fakulti Bahasa Dan Pendidikan, Fakulti Pengurusan Hospitaliti, Fakulti Undang-Undang Governan Dan Hubungan Antarabangsa dan Fakulti Kejururawatan Dan Sains Kesihatan. Jumlah sampel adalah 80 orang dan sampel ini digunakan untuk memastikan responden dipilih merangkumi pelajar dari setiap fakulti di KUIM. Tujuan persempelan ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan populasi dan persempelan ini juga dilakukan bagi menjimatkan kos penyelidik dengan cara pengurangan kos yang pelbagai.

### Instrumen Kajian

Kajian ini akan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian terhadap responden bagi mendapatkan maklum balas dan proses pengumpulan data. Borang soal selidik tersebut terdiri daripada lima bahagian iaitu bahagian A (latar belakang responden), bahagian B (niat keusahawanan),

bahagian C (sikap peribadi), bahagian D (norma subjektif) dan bahagian E (kawalan tingkah laku). Kajian ini telah dijalankan kepada 100 orang responden dengan menggunakan formula Tabachnick dan Fidell (2013) iaitu  $N > 50 + 8m$ . Semua soal selidik akan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Kandungan bahagian soalan borang soal selidik adalah seperti berikut :

Jadual 3.0 : Kandungan Borang Soal Selidik

Bahagian	Perkara	Bilangan Soalan
Bahagian A	Demografi Responden	6
Bahagian B	Niat Keusahawanan	5
Bahagian C	Sikap peribadi	5
Bahagian D	Norma subjektif	5
Bahagian E	Kawalan tingkah laku	5

Pengukuran Skala Likert 5 juga telah digunakan untuk mendapatkan tahap sebenar responden. Kesemua soalan terdiri dari skala 1 sehingga 5 dimana setiap skala mempunyai tahap jawapan yang paling minimum sehingga maksimum.

### **Ujian Kebolehpercayaan**

Ujian kebolehpercayaan yang telah diperolehi telah mendapat nilai Cronbach's Alpha adalah 0.907. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa nilai yang melebihi 0.90 dianggap terbaik.

### **Data Analisis**

Kajian ini merupakan satu kajian bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan di kalangan pelajar wanita di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi bagi mendapatkan sampel yang ditetapkan. Soal selidik akan diedarkan kepada pelajar wanita yang mengambil kursus diploma dan ijazah sarjana muda dari 7 fakulti iaitu Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Fakulti Keilmuan Islam, Fakulti Sains Sosial dan Fakulti Bahasa Dan Pendidikan, Fakulti Pengurusan Hospitaliti, Fakulti Undang-Undang Governan Dan Hubungan Antarabangsa dan Fakulti Kejururawatan Dan Sains Kesihatan dengan jumlah responden seramai 80 orang. Pengumpulan data kajian ini boleh didapatkan melalui data primer dan data sekunder. Data primer merujuk kepada maklumat yang diperolehi melalui dapatan kajian. Data ini dikumpul dengan menggunakan kaedah seperti tinjauan, pemerhatian, ujian fizikal, soal selidik yang dihantar dan diisi. Analisis yang digunakan bagi kajian ini adalah analisis korelasi. Ia digunakan bagi tujuan untuk menganalisis data dan melihat faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dengan sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku di kalangan pelajar wanita di Kolej Universiti Islam Melaka. Data yang diperolehi akan di analisa dengan menggunakan kaedah *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25.0.

### **DAPATAN KAJIAN**

Data analisis demografi yang dilakukan ini bertujuan bagi menerangkan perkara mengenai latar belakang responden seperti umur, status, fakulti, semester, kawasan tempat tinggal dan negeri kelahiran. Kajian menunjukkan kekerapan umur responden iaitu terdapat seramai 77 (96.3%) pelajar wanita terdiri daripada umur 18 hingga bawah 25 tahun manakala selebihnya bilangan pelajar wanita adalah terdiri daripada umur 26 hingga bawah 35 tahun iaitu seramai 3 (3.8%) orang. Kesimpulannya, umur pelajar wanita di KUIM mencatatkan majoriti peratusan umur 18 hingga 25 tahun melebihi 96.3% daripada peratusan umur 26 hingga 35 yang hanya mencatatkan 3.8% sahaja.

Bagi kekerapan status pelajar wanita yang bujang mencatatkan sebanyak 76 orang dengan peratus (95.0%) manakala bagi kekerapan status pelajar wanita yang sudah berkahwin mencatatkan sebanyak 4 orang dengan memperoleh peratus (5.0%). Kesimpulannya, peratusan pelajar wanita di KUIM yang masih bujang lebih tinggi berbanding yang sudah berkahwin. Majoriti peratusan pelajar wanita yang bujang melebihi 95.0% daripada peratusan pelajar wanita yang sudah berkahwin.

Seterusnya, didapati pelajar wanita yang terdiri daripada fakulti FIPT mencatatkan sebanyak 28 orang dengan peratus (35.0%), bagi FKI kekerapan pelajar wanita mencatatkan sebanyak 9 orang

dengan peratus (11.3%), bagi pelajar dari FSS kekerapan mencatatkan sebanyak 8 orang pelajar dengan peratus ( 10.0%), manakala bagi FBP, seramai 19 orang pelajar wanita dicatatkan dengan peratus ( 23.8%). Selain itu, kekerapan pelajar wanita dicatatkan bagi FUG adalah sebanyak 6 orang dengan peratus (7.5%), bagi FKSK pula pelajar wanita yang dicatatkan adalah sebanyak 7 orang dengan peratus (8.8%) dan pelajar wanita yang terdiri daripada fakulti FPH pula adalah sebanyak 3 orang dengan peratus (3.8%). Kesimpulannya, pelajar wanita di FIPT mencatatkan peratusan yang paling tinggi berbanding fakulti-fakulti yang lain di KUIM. Berdasarkan dapatan kajian, dapat dilihat bahawa seramai 13 (16.3%) pelajar wanita memilih sangat setuju dengan kenyataan “saya bersedia melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan” manakala seramai 37 (46.3%) pelajar wanita juga turut memilih setuju bagi menyokong kenyataan tersebut. Selain itu, terdapat 25 (31.3%) pelajar wanita memilih biasa dan seramai 5 (6.3%) pelajar wanita memilih tidak setuju dengan kenyataan jawapan yang disediakan.

Kesimpulannya, nilai peratusan responden yang berpendapat bahawa untuk menjadi usahawan mereka sanggup melakukan apa sahaja adalah baik dengan mencatatkan 46.3% daripada 80 orang responden yang bersetuju. Majoriti responden setuju berbanding minoriti lain.

Jadual Keputusan Hipotesis						
Pemboleh Ubah	H <sup>0</sup>	H <sup>1</sup>	Korelasi	H <sup>0</sup> / H <sup>1</sup>	Hubungan	
SIKAP PERIBADI	H <sup>0</sup> : Tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor sikap peribadi dengan niat keusahawanan.	H <sup>1</sup> : Terdapat hubungan signifikan antara faktor sikap peribadi dengan niat keusahawanan.	.820**	H <sup>0</sup> telah ditolak dan H <sup>1</sup> DITERIMA	SIGNIFIKAN	
NORMA SUBJEKTIF	H <sup>0</sup> : Tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor norma subjektif dengan niat keusahawanan.	H <sup>1</sup> : Terdapat hubungan signifikan antara faktor norma subjektif dengan niat keusahawanan.	.723**	H <sup>0</sup> telah ditolak dan H <sup>1</sup> DITERIMA	SIGNIFIKAN	
KAWALAN TINGKAHLAKU	H <sup>0</sup> : Tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor kawalan tingkah laku dengan niat keusahawanan.	H <sup>1</sup> : Terdapat hubungan signifikan antara faktor kawalan tingkah laku dengan niat keusahawanan.	.585**	H <sup>0</sup> telah ditolak dan H <sup>1</sup> DITERIMA	SIGNIFIKAN	
Bil	Pemboleh Ubah Bersandar	Soalan	Skala	Kekerapan	%	Skor Min
1	SIKAP PERIBADI (SP)  Soalan soal selidik ini diambil	SP1: Menjadi Usahawan Memberikan Lebih Banyak Kelebihan Berbanding Kekurangan	Tidak Setuju	1	1.3	3.94
			Biasa	19	23.8	
			Setuju	44	55.0	
			Sangat	16	20.0	

	daripada De Noble, A., Jung, D., & Ehrlich, S. (1999). <i>Entrepreneurial Self-Efficacy: The Development Of A Measure And Its Relationship To Entrepreneurial Action.</i>		<b>Setuju</b>			
		Jumlah		80	100.0	
		SP2 : Kerjaya Sebagai Seorang Usahawan Sangat Menarik Bagi Saya	Tidak Setuju	4	5.0	3.85
			Biasa	21	26.3	
			<b>Setuju</b>	<b>38</b>	<b>47.5</b>	
			<b>Sangat Setuju</b>	<b>17</b>	<b>21.3</b>	
		Jumlah		80	100.0	
		SP3 : Saya Mahu Menjadi Majikan Kepada Diri Saya Sendiri	Tidak Setuju	4	5.0	4.04
			Biasa	16	20.0	
			<b>Setuju</b>	<b>33</b>	<b>41.3</b>	
			<b>Sangat Setuju</b>	<b>27</b>	<b>33.8</b>	
		Jumlah		80	100.0	
2	NORMA SUBJEKTIF (NS)  Soalan soal selidik ini diambil daripada De Noble, A., Jung, D., & Ehrlich, S. (1999). <i>Entrepreneurial Self-Efficacy: The Development Of A Measure And Its Relationship To Entrepreneurial Action.</i>	SP4: Antara Pelbagai Pilihan, Saya Lebih Suka Menjadi Seorang Usahawan	Sangat Tidak Setuju	1	1.3	3.66
			Tidak Setuju	5	6.3	
			Biasa	31	38.8	
			<b>Setuju</b>	<b>26</b>	<b>32.5</b>	
			<b>Sangat Setuju</b>	<b>17</b>	<b>21.3</b>	
		Jumlah		80	100.0	
		SP 5: Kekerapan Jawapan Menjadi Seorang Usahawan Akan Memberi Saya Kepuasan Yang Tinggi	Tidak Setuju	6	7.5	3.85
			Biasa	22	27.5	
			<b>Setuju</b>	<b>30</b>	<b>37.5</b>	
			<b>Sangat Setuju</b>	<b>22</b>	<b>27.5</b>	
		Jumlah		80	100.0	
		NS1 : Ibu Bapa Saya Positif Terhadap Masa Depan Kerjaya Saya Sebagai Seorang Usahawan	Tidak Setuju	4	5.0	3.86
			Biasa	19	23.8	
			<b>Setuju</b>	<b>41</b>	<b>51.2</b>	
			<b>Sangat Setuju</b>	<b>16</b>	<b>20.0</b>	
			Jumlah		80	100.0
		NS2 : Rakan Saya Melihat Keusahawanan Sebagai Pilihan Yang Logik Untuk Saya	Tidak Setuju	5	6.3	3.68
			Biasa	26	32.5	
			<b>Setuju</b>	<b>39</b>	<b>48.8</b>	
			<b>Sangat Setuju</b>	<b>10</b>	<b>12.5</b>	
		Jumlah		80	100.0	
		NS3 : Saya Percaya Bahawa Orang Yang Penting Bagi Saya, Berfikir Saya Perlu	Tidak Setuju	7	8.8	3.65
			Biasa	25	31.3	

		Menjadi Seorang Usahawan	<b>Setuju</b>	<b>37</b>	<b>46.3</b>		
			<b>Sangat Setuju</b>	<b>11</b>	<b>13.8</b>		
			Jumlah	80	100.0		
		NS4 : Universiti Saya Menyediakan Kemudahan Untuk Membantu Pelajar Memulakan Perniagaan Baru	Sangat Tidak Setuju	1	1.3	3.66	
			Tidak Setuju	6	7.5		
			Biasa	28	35.0		
			<b>Setuju</b>	<b>29</b>	<b>36.3</b>		
			<b>Sangat Setuju</b>	<b>16</b>	<b>20.0</b>		
		NS5 : Di Universiti Saya, Para Pelajar Digalakkan Secara Aktif Untuk Menjana Idea Perniagaan Mereka Sendiri	Jumlah	80	100.0	3.96	
			Tidak Setuju	1	1.3		
			Biasa	21	26.3		
			<b>Setuju</b>	<b>38</b>	<b>47.5</b>		
			<b>Sangat Setuju</b>	<b>20</b>	<b>25.0</b>		
		KAWALAN TINGKAHLAKU (KT)	Jumlah	80	100.0		
3	<p>Soalan soal selidik ini diambil daripada Solesvik, M., Westhead, P., Kolvereid, L. And Matlay, H. (2012). <i>Journal Of Small Business And Enterprise Development</i>. Souitaris, V., Zerbinati, St, And Al-Kaham, A. (2007). <i>Journal Of Business Venturing</i>. Linan, Fr. And Chen, Y, (2006). <i>Testing The Entrepreneurial Intention Model On A Two-Country Sample</i>.</p>		Sangat Tidak Setuju	1	1.3	3.76	
			Tidak Setuju	4	5.0		
			Biasa	21	26.3		
			<b>Setuju</b>	<b>41</b>	<b>51.2</b>		
			<b>Sangat Setuju</b>	<b>13</b>	<b>16.3</b>		
	KT1 : Jika Saya Mahu, Saya Dengan Mudah Boleh Menjadi Usahawan	Jumlah	80	100.0	4.1		
		Tidak Setuju	1	1.3			
		Biasa	15	18.8			
		<b>Setuju</b>	<b>39</b>	<b>48.8</b>			
		<b>Sangat Setuju</b>	<b>25</b>	<b>31.3</b>			
	KT3 : Sebagai Seorang Usahawan, Saya Akan Mengawal Perniagaan Saya	Jumlah	80	100.0	4.18		
		Tidak Setuju	2	2.5			
		Biasa	12	15.0			
		<b>Setuju</b>	<b>36</b>	<b>45.0</b>			
		<b>Sangat Setuju</b>	<b>30</b>	<b>37.5</b>			
	KT4 : Terdapat Sedikit Keadaan Di Luar Kawalan Saya Yang Boleh Menghalang Saya Menjadi Seorang Usahawan	Jumlah	80	100.0	3.83		
		Sangat Tidak Setuju	2	2.5			
		Tidak Setuju	3	3.8			
		Biasa	19	23.8			

	KT5 : Bagi Saya, Bekerja Sendiri Sangat Mudah	Setuju	39	48.8	4.01
		Sangat Setuju	17	21.3	
		Jumlah	80	100.0	
		Tidak Setuju	3	3.8	
		Biasa	18	22.5	
		Setuju	34	42.5	
		Sangat Setuju	25	31.3	
		Jumlah	80	100.0	

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Kajian ini dapat meningkatkan niat keusahawanan di kalangan pelajar wanita KUIM melalui cadangan penambahbaikan selepas menganalisis dapatan kajian. Di samping, membuktikan bahawa segala persoalan kajian adalah terjawab dan mencapai objektif yang ada. Melalui kajian ini juga, dapat memberikan kesedaran agar faktor-faktor yang wujud yang mana terbukti mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat keusahawan dapat dilakukan sesuatu agar penambahbaikan dapat dilaksanakan bagi memastikan lebih ramai lagi pelajar wanita yang mempunyai niat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dilakukan terdapat beberapa cadangan yang dapat diberikan kepada institusi pengajian tinggi, kerajaan dan masyarakat bagi meningkatkan lagi kesedaran dan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar supaya dapat melahirkan lebih ramai usahawan muda yang berjaya pada masa akan datang. Dapat dilihat bahawa kebanyakkan pelajar wanita mempunyai niat keusahawanan yang tinggi namun mereka tidak mempunyai peluang untuk menceburkan diri mereka dalam bidang perniagaan. Antara cadangan yang boleh diberikan adalah pihak kerajaan dan institusi pengajian tinggi perlulah menyediakan lebih banyak program keusahawanan yang boleh membimbing mahasiswa untuk membuka perniagaan mereka sendiri seperti menyediakan “platform” berniaga untuk pelajar. Kerajaan juga boleh menambah lagi bantuan dana, kursus dan penyediaan peralatan perniagaan seperti yang telah dilakukan sebelum ini. Menurut Harian Metro, (2015) memulakan perniagaan bukan sahaja membantu diri kita, tetapi juga menolong orang lain dengan cara mewujudkan peluang pekerjaan. Seterusnya, aekosistem keusahawanan perlu diperkasakan lagi dengan menyediakan strategi yang lebih baik supaya penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan dapat ditingkatkan. Oleh itu, ia dapat membantu mahasiswa untuk melibatkan diri mereka dalam bidang keusahawanan yang mampu menjadi ‘platform’ untuk mereka membuka perniagaan sendiri tanpa perlu bekerja dengan syarikat lain. Dengan adanya penambahbaikan dalam ekosistem keusahawanan ia mampu melahirkan lebih ramai graduan yang terlibat dalam perniagaan. Menurut Utusan Online, Datuk Seri Idri Jusoh, (2016) pelaksanaan program pendidikan memerlukan strategi tersusun bagi meningkatkan penglibatan dan penyertaan pelajar dalam bidang keusahawanan. Selain itu, antara cadangan lain yang boleh diberikan bagi membantu pelajar menjana idea perniagaan mereka adalah pihak Institusi Pengajian Tinggi perlu mempergiatkan lagi program-program keusahawanan yang mampu menjana idea perniagaan kepada para pelajar dan program pembangunan kemahiran perlulah dipelbagaikan bagi menambah ilmu dan pengetahuan pelajar dalam mempelbagaikan idea perniagaan mereka. Menurut Harian Metro, (2018) program yang dijalankan di universiti mencerminkan usaha bagi membantu pelajar supaya bukan saja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi memiliki nilai tambah lain seperti keusahawanan. Hal ini adalah bagi melahirkan usahawan yang lebih kompetitif, berdaya saing, maju dan berkebolehan dalam mengurus sesbuah perniagaan. pelajar juga perlu diberikan bengkel dan latihan keusahawanan untuk memastikan mereka mempunyai kemahiran dan jaringan perniagaan yang lebih besar. Justeru, latihan kemahiran dan ilmu perniagaan yang mencukupi supaya ianya tidak menjadi penghalang dan punca kegagalan mereka dalam mengawal perniagaan mereka sendiri. Menurut Menteri Mohd Redzuan Md Yusof, (2018) Kementerian Pembangunan Usahawan akan memberikan latihan keusahawanan sebagai usaha kerajaan dalam memupuk sifat keusahawanan dalam kalangan golongan muda. Hal ini adalah bagi memastikan pelajar tidak hanya menumpukan

diri mereka dalam bidang akademik sahaja malah pelajar dapat memiliki ilmu perniagaan yang boleh digunakan untuk mengawal perniagaan mereka.

Cadangan bagi penyelidik pada masa akan datang pula, mereka perlulah mengumpul lebih banyak bahan rujukan dan maklumat berkaitan keusahawanan wanita serta menambahkan lagi bilangan responden bagi kajian mereka supaya tahap kebolehpercayaan bagi kajian ini dapat diperkuatkan lagi dengan lebih menyeluruh. Bagi penyelidik pada masa akan datang juga mereka digalakkan untuk melakukan kajian ini terhadap pelajar lelaki di institusi pengajian tinggi bagi melihat sejauh mana pembolehubah tidak bersandar ini mampu mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar.

## **KESIMPULAN**

Artikel ini memperbincangkan sebuah kajian berkaitan faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar wanita di KUIM. Dalam kajian tersebut, terdapat beberapa persoalan yang perlu diuraikan dengan lebih jelas supaya dapat mengetahui kajian ini dengan lebih teliti. Antara persoalan kajian tersebut adalah: 1. Adakah terdapat hubungan diantara sikap peribadi dengan niat keusahawanan?; 2. Adakah terdapat hubungan diantara norma subjektif dengan niat keusahawanan?; 3. Adakah terdapat hubungan diantara kawalan tingkah laku dengan niat keusahawanan? Berdasarkan dapatan kajian, analisa deksriptif dan analisa korelasi telah dilakukan dan dapat dibuat kesimpulan bahawa ketiga-tiga faktor yang terlibat mempunyai hubungan yang positif dengan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar wanita di KUIM. Semua inisiatif yang dilakukan dianggap berjaya sekiranya persekitaran seseorang individu seperti sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku mampu meningkatkan niat keusahawanan, melahirkan ciri-ciri keusahawanan yang tinggi, menunjukkan tingkah laku yang positif terhadap keusahawanan dalam diri pelajar wanita dan mampu mendorong mereka menjadi lebih berani menyahut cabaran untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Maka, ia merupakan hal penting yang perlu dititikberatkan bagi melahirkan niat keusahawanan dalam diri pelajar wanita di Kolej Universiti Islam Melaka. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga pembolehubah tidak bersandar menunjukkan hasil yang positif terhadap niat keusahawanan.

## **RUJUKAN**

- Astro Awani. (13 Disember 2018). Wanita Ramai Di IPT Kurang Di Alam Pekerjaan.
- Bagheri, A., & Pihie, Z. (2014). Peranan Sederhana Jantina Dalam Membentuk Niat Keusahawanan: Implikasi Bimbingan Vokasional. *Jurnal Antarabangsa Bimbingan Pendidikan Dan Vokasional*, 14 (3), 255-273.
- Berita Harian Online. (04 April 2017). Melahirkan Belia Usahawan Atasi Pengangguran.
- Berita Harian Online. (17 Desember 2017). Usahawan Wanita Kuasai Perniagaan.
- Cavazos-Arroyo, J., Puente-Diaz, R., & Agarwal, (2017). An Examination Of Certain Antecedents Of Social Entrepreneurial Intention Among Mexico Residents.
- Cruz, L.D., Suparapti, S., Yasa, K. (2015), Aplikasi Theory Of Planned Behavior Dalam Membangkitkan Niat Berwirausaha Bagi Mahasiswa Fakultasi Ekonomi Unpez, Dili Timorleste, E-Jurnal Ekonomi Dan Bisnis Universitas Udayana. Vol 4, No. 12, Pp, 895-920.
- Dato'sri Dr. Mohd Uzir Mahidin. (Januari 2019). Jabatan Perangkaan Malaysia. Statistik Utama Tenaga Buruh Di Malaysia. [Https://Www.Dosm.Gov.My](https://www.dosm.gov.my)
- Datuk Seri Idri Jusoh, (16 April 2016). Lahirkan Graduan Usahawan Unggul. Utusan Online.
- Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman. (01 Mac 2018). Wanita Digalak Ceburi Perniagaan. Utusan Online.
- Datuk Stephen Wong Tein Fatt. (10 Mac 2019). Nisbah Kemasukan Pelajar Ke IPT. Utusan Borneo.
- De Noble, A., Jung, D., & Ehrlich, S. (1999). Entrepreneurial Self-Efficacy: The Development Of A Measure And Its Relationship To Entrepreneurial Action.
- Dinis, A., A. Do Paco, J. Ferreira, M. Raposo, & Gouveia Rodrigues, (2013). Psychological Characteristics And Entrepreneurial Intentions Among Secondary Students. *Education + Training*.
- Farhana Mohd Rosli. (2013). Pembudayaan Keusahawanan Ke Arah Mempengaruhi Kecenderungan Menceburu Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Bakal Graduan Di UTHM.
- Fretschner, M. (2014). Ajzen's Theory Of Planned Behavior In Entreprenuership Education Research Becoming An Entrepreneur. Sense Publishers.
- Gusniar Nurdin, Geraldine K. K., Chan, Sivapalan Selvaduri & Suraiya Ishak. (2014). Hubungan Sosial Dan Perniagaan Kecil-Kecilan Di Malaysia – Tingkah Laku Inivatif Usahawan Wanita Atas Talian. *Malaysia Journal Of Society And Space*.
- Harian Metro. (08 April 2019). Keusahawanan Atasi Pengangguran.
- Harian Metro. (22 Mei 2015). Mengapa Perlu Mulakan Perniagaan.
- Harian Metro. Dr Mass Hareeza Ali. (17 Disember 2018). Keusahawanan Siswa.
- Hockerts, K. N. (2017). Determinants Of Social Entrepreneurial Intentions. *Entrepreneurship: Theory And Practice*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (Ogos 2019). Statistik Utama Tenaga Buruh Di Malaysia.

- Kauntonen, T., Van Gelderen, M., & Fink, M. (2015). Robustness Of The Theory Of Planned Behavior In Predicting Entrepreneurial Intentions And Actions. *Entrepreneurship Theory And Practice.*
- Linan, Fr. And Chen, Y, (2006). Testing The Entrepreneurial Intention Model On A Two-Country Sample.
- Linan, F., & Chen, Y., W. (2009). Development And Cross-Cultural Application Of A Specific Instrument To Measure Entrepreneurial Intention. *Entrepreneurship Theory And Practice.*
- Linan, F., & Fayolle, A. (2015). A Systematic Literature Review On Entrepreneurial Intentio: Citation, Thematic Analyses, And Research Agenda. *International Entrepreneurship And Management Journal.*
- Marques, C. S., Frerreira, JJ., Gomes, D.N. & Rodrigues, R. G. (2012). Entrepreneurship Education: How Psychological, Demographic And Behavioural Factor Predict The Entrepreneurial Intention'. *Education + Training.*
- Maresch, D., Harms, R., Katler, N., & Wimmer-Wurn, B. (2016). The Impact Of Entrepreneurship Education On The Entrepreneurial Intention Of Students In Science And Engineering Versus Business Studies University Programs. *Technological Forecasting And Social Change.*
- Mwiya, B., Wang, Y., Shikaputo, C., Kaulungombe, B., & Kayekesi, M. (2017). Meramalkan Niat Keusahawanan Pelajar Universiti: Mengaplikasikan Pengetahuan Teori Tingkah Laku Yang Dirancang, *Jurnal Perniagaan Dan Pengurusan.*
- Normala Hj A. Razak. (2009). Kekuatan Niat Keusahawanan (Entrepreneurs Intention) Pelatih Industri Automotif Terhadap Kerjaya Usahawan Era Terkini. *University Teknologi Malaysia.*
- Roy, R., Akhtar, F., & Das, N. (2017). Entrepreneurial Intention Among Sciene And Technology Students In India Extending The Theory Of Planned Behaviour. *International Entrepreneurship Management Journal.*
- Sesen, H. (2013). Personality Or Environment? A Comprehensive Study On The Entrepreneurial Intention Of University Students.
- Solesvik. M., Westhead, P., Kolvereid, L. And Matlay, H. (2012). *Journal Of Small Business And Enterprise Development.*
- Solesvik. M. Z. (2013). Entrepreneurial Motivations And Intentions: Investigating The Role Of Education Major, *Education + Training.* 55(3), 253-271.
- Souitaris. V., Zerbinati, St, And Al-Kaham, A. (2007). *Journal Of Business Venturing.*
- Sun, H., Lo, C. T., Liang, B., & Wong, Y. L. B. (2017). The Impact Of Entrepreneurial Education On Entrepreneurial Intention Of Engineering Students In Hong Kong. *Management Decision.*
- Tiwari, P., Bhat, A. K., & Tikoria, J. (2017). An Empirical Analysis Of The Factors Affecting Social Emtrepreneurial Intentions. *Journal Of Global Entrepreneurship Research.*
- Tran. A. T. P., & Von Korflesh, H. (2016). A Conceptual Model Of Social Entrepreneurial Intention Based On The Social Cognitive Career Theory. *Asia Pacific Journal Of Innovation And Entrepreneurship.*
- Tsai, Chang, & Peng. (2016). Refining The Linkage Between Perceived Capibility And Entrepreneurial Intention: Role Of Perceived Opportunity, Fear Of Failure, And Gender. *International Entrepreneurship And Management Journal.*

Weedayanti, N. P., & Giantari, I. (2016). Peran Pendidikan Kewirausahaan Dalam Memediasi Pengaruh Norma Subjektif Terhadap Niat Berwirausaha. E-Jurnal Manajemen Universitas Udayana.

Yurtkoru, S. Kuscu, Z. K., & Doganay, A. (2014). Exploring The Antecedents Of Entrepreneurial Intention On Turkish University – Social And Behavioral Sciences.

Zhang, P. L., Wang. D. D., & Owen C. L. (2015). A Study Of Entrepreneurial Intention Of University Students. Entrepreneurship Research Journal.